

0644

U 8999 AAB  
MAHATHIR - ISLAM

KUALA LUMPUR, 28 OKT (BERNAMA) -- KERAJAAN AKAN MENGAJAI SEMULA SUMBANGAN DAN KEKESAMAH INSTITUSI-INSTITUSI PENGAJIAN AGAMA TEMPATAN DALAM PEMBENTUKAN UMAT ISLAM YANG SEBENAR, KATA PERDAMA MENTERI DATUK SERI DR MAHATHIR MOHAMED HARI INI.

BELIAU YANG JUGA PRESIDEN UMNO BERKATA, KAJIAN ITU AKAN DILAKUKAN PADA SEMUA PERINGKAT PENGAJIAN, DARIPADA TAMAN ASUHAN SEHINGGALAH KE PERINGKAT UNIVERSITI.

KAJIAN ITU AKAN DIBUAT SUPAYA SESUAI DENGAN KEHENDAK AGAMA ISLAM SEBENAR DAN BUKAN MEMURUT KEHENDAK KUMPULAN-KUMPULAN TERTENTU, KATANYA PADA PERHIMPUNAN AGUNG UMNO DI DENAH MERDEKA, PUSAT DAGANGAN DUNIA PUTRA DI SINI.

SEHUBUNGAN DENGAN ITU KATANYA, KERAJAAN AKAN MEMBERI PERHATIAN YANG LEBIH KEPADA GERAKAN DAKWAH DI NEGARA INI DAN KE ARAH ITU, PERUNTUKAN DAN KAKITANGAN YANG LEBIH AKAN DIADAKAN.

DATUK SERI DR MAHATHIR SETERUSNYA MENGHURAIKAN MENGENAI PERANAN KERAJAAN DALAM USAHA PENERAPAN NILAI-NILAI ISLAM. KATANYA, AGAMA TIDAK BOLEH DIABAIKAN KETIKA KERAJAAN BERUSAHA MEMBANGUNKAN BANGSA MELAYU KHUSUSNYA, KE TAHAP BANGSA YANG MAJU. LAGI.

1147MST 28 10 88

0645

U 8000 AAB  
MAHATHIR - ISLAM 2 KUALA LUMPUR

OLEH ITU, KATANYA, TEKAMAN PERLU DIBERI BUKAN KEPADA RUPA BENTUK YANG DIKATAKAN ISLAM TETAPI KEPADA AMALAN NILAI-NILAI YANG MENCERMINKAN PERIBADI ISLAM YANG SEBENAR.

ORANG MELAYU YANG AKAN MAJU KERANA PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN KATANYA, MESTILAH MEMPUNYAI NILAI-NILAI MULIA SEPERTI KEIKHLASAN, KEJUJURAN, BERAMANAH, BERTANGGUNGJAWAB, KEBERANIAN DAN SIFAT-SIFAT MULIA YANG LAIN, SUPAYA PENGETAHUAN DAN KECEKAPAN MEREKA TIDAK DISALAHGUNAKAN.

KATANYA LAGI, BAGI SESETENGAH ORANG ISLAM, RUPA BENTUK YANG DIKATAKAN ISLAM LEBIH MUDAH DICAPAI DARIPADA APA YANG SEBENARNYA DITUNTUT OLEH ISLAM TETAPI JIKA ORANG MELAYU BERPEGANG KEPADA AJARAN ISLAM, MEREKA HARUS CUBA MENGAMALKAN NILAI-NILAI ISLAM YANG SEBENAR DAN YANG MULIA ITU.

SEJARAH TELAH MEMBUKTIKAN BAHAWA KEMENAHAN SEBELUM KEMELESETAN EKONOMI BARU-BARU INI TELAH MENJADIKAN KEBANYAKAN RAKYAT MALAYSIA TERMASUK ORANG MELAYU BEGITU TAMAK SEHINGGA BANGSAP MEMIFU DAN MENYALAHGUNAKAN KUASA YANG DIAMANAHKAN KEPADA MEREKA.

PERASAAN TAMAK ITU JUGA KATANYA, TELAH MEMBAWA KEPADA PERPECAHAN DI KALANGAN ORANG MELAYU DAN KEPADA PERCUBAAN MEREBUT KUASA KERANA KEPENTINGAN DIRI. -- LAGI

1149MST 28 10 88

0646

U 8001 AAB  
MAHATHIR - ISLAM 3 KUALA LUMPUR

+OLEH ITU ADA YANG BERPENDAPAT MUNGKIN LEBIH BAIK JIKA KITA TIDAK MENGEJAR KEMAJUAN DAN SEBALIKNYA KEKAL DENGAN KEMUNDURAN KITA. TETAPI PERLU DITEKANKAN, KITA TIDAK MEMPUNYAI PILIHAN.

+JIKA KITA MUNDUR KITA AKAN DIHINA DAN DITINDAS OLEH ORANG LAIN. KITA MUNGKIN DIKUASAI OLEH NEGARA-NEGARA DAN ORANG BUKAN ISLAM YANG MAJU, BAHKAN KITA MUNGKIN DIPISAHKAN DARIPADA AGAMA ISLAM.

+OLEH ITU KITA HARUS CUBA MENERAPKAN NILAI-NILAI YANG UNGGUL ATAU IDEAL BUNGGUHPUN KITA TIDAK MUNGKIN BERJAYA SEPENUHNYA.

BAGAIMANAPUN KATANYA, TUSAS MENGEKEMBANGKAN KEFAHAMAN AGAMA YANG BETUL SERTA USAHA MEMBANGUNKAN NEGARA ADALAH SEBAHAGIAN DARIPADA IBADAT YANG MAJIB DITUNAIKAN OLEH SEMUA UMAT ISLAM DI NEGARA INI.

KEPADA KERAJAAN KATANYA, IA AKAN MELAKSANAKAN TANGGUNGJAWABNYA SEBAGAI SEBAHAGIAN DARIPADA IBADAT KEPIMPINAN KERAJAAN DAN SEBAGAI SATU FARHU KIFAYAH. -- BERNAMA

1131MST 28 10 88